


Makmal DNA Forensik Zon Timur akan analisis kes jenayah

[Ahmad Rabiul Zulkifli](#)

am@hmetro.com.my



AHMAD Amzad (dua kiri) melihat barangan kes jenayah yang sedang disiasat di Jabatan Kimia Terengganu. FOTO Ahmad Rabiul Zulkifli

Kuala Terengganu: Khidmat Makmal Sehati Analisis Asid Deoksiribonukleik (DNA) Forensik Zon Timur akan diperluaskan dengan menerima sampel kes jenayah bermula Januari tahun depan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, makmal berkenaan bakal melakukan analisis sampel kes jenayah yang berlaku di negeri ini, Kelantan dan Pahang.

"Sebelum ini semua sampel DNA forensik jenayah membabitkan Terengganu, Pahang dan Kelantan dihantar ke ibu pejabat di Selangor untuk dianalisis dan prosesnya mengambil masa sehingga 30 hari sebelum keputusan diperolehi.

"Dianggarkan sebanyak 60 kes jenayah di Pantai Timur yang memerlukan analisis DNA forensik terpaksa dihantar ke ibu pejabat pada setiap bulan.

"Justeru kewujudan makmal sehenti itu akan memberi kemudahan dan memendekkan tempoh keputusan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Makmal Sehenti Analisis DNA Forensik dan Makmal Sehenti Analisis Air Zon Timur sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Kimia Terengganu, di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah Kimia Malaysia, Mohd Zaini Abdul Rahman dan Pengarah Kimia Negeri, Siti Redzoh Ibrahim.

Ahmad Amzad berkata, Makmal Sehenti Analisis DNA Forensik menawarkan perkhidmatan ujian paterniti kepada orang awam dari Terengganu dan Kelantan.

"Makmal itu akan memperluaskan perkhidmatan ujian paterniti kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Terengganu, Pahang dan Kelantan bagi menangani masalah kewarganegaraan untuk menentukan pertalian kekeluargaan antara anak dan ibu bapa akibat ketiadaan surat kelahiran.

"Sebanyak enam kes paterniti dengan 21 barang kes telah diterima untuk analisis sehingga 15 September lalu.

"Ia adalah permulaan sebelum kes-kes jenayah membabitkan bunuh, rogol, pergaduhan, penculikan, rompak, pecah rumah dan sebagainya dibuka kepada PDRM pada Januari tahun depan," katanya.

Katanya, beliau yakin makmal itu akan menjadi makmal rujukan yang dapat memenuhi keperluan pelanggan khususnya bagi negeri di Pantai Timur.

Disiarkan pada: September 26, 2021 @ 5:09pm